

TM

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2012 (029644) |

• MOTIVASI • FARDU AIN •

ISU No. **41**

TUTUP AURAT SUPAYA SELAMAT

Allah s.w.t. mengharamkan wanita mendedahkan kecantikan zahimya, bukan bertujuan menyekat kebebasan wanita, tetapi kerana Allah menyayangi wanita. Tidak ada wanita yang akan teraniaya dan menderita kerana hukum menutup aurat. Sebaliknya, dengan mendedahkan aurat mereka telah menzalimi diri mereka dan merosakkan orang lain.

110 Ramai Wanita Menghuni Neraka?

96 Komitedkah Aku dalam Mendalami Islam?

68 Riba, Umpama Dirasuk Syaitan

25 Aib Orang Diselindung, Aib Sendiri Disorok

ISSN 1985-5400



41



9 771985 540003

RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50

TELAGA BIRU SDN. BHD.



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
Incorporated in Malaysia

Wang kertas fiat tidak disandarkan kepada apa-apa jua *precious metal*. Ia tidak mempunyai nilai sendiri dan hanya bersandar kepada kepercayaan dan tanggapan umum terhadapnya. Selain itu, ia juga dilahirkan bersama *interest* (riba) dan nilainya sentiasa mengecut akibat inflasi daripada sistem *fractional reserve*.

Jika demikianlah keadaannya, apakah hukumnya?

Tambahan lagi, majoriti ulama berpendapat tidak wujud riba pada wang selain wang emas dan perak, maka adakah wang kertas juga terkeluar daripada senarai yang boleh jatuh dalam kategori riba? Bagi menentukan hukumnya, para ulama cuba melihat adakah wang kertas fiat ini sama seperti emas atau tidak?

Kelebihan Mata Wang Emas Perak

Sebelum membincangkan pendirian ulama berkenaan hukumnya, berikut adalah beberapa kelemahan wang kertas dan kelebihan wang emas dan perak:

1. Tidak terdedah kepada risiko manipulasi

Sistem penciptaan wang kertas fiat sebegini juga dilihat tidak adil sama sekali bagi individu yang berusaha. Bayangkan seorang usahawan yang berusaha keras lalu berjaya dan mempunyai simpanan berbilion ringgit Malaysia, namun akibat kepercayaan antarabangsa terhadap Ringgit Malaysia (RM) jatuh, nilai dan kuasa beli yang dimiliki oleh RM turut jatuh merudum. Inilah proses *hyperinflation* yang berlaku kepada Zimbabwe sekarang.

Jika keadaan ini berlaku kepada Malaysia (moga dijauhkan Allah), dan jika individu berjaya tadi masih tidak menukarkan wang kertas fiat yang tersimpan dalam bank kepada aset berharga seperti emas, perak dan hartanah (*properties*), akhirnya

Dilema Wang Kertas, Emas dan Perak

Bahagian 1



wang simpanan berbilion tadi hanya bernilai beberapa ringgit sahaja.

Adakah sistem mata wang sebegini baik, adil dan hebat?

Tidak sama sekali, malah inilah sistem yang membenarkan usaha keras dirompak oleh sesiapa sahaja. Inilah yang berlaku kepada negara kita apabila George Soros melambakkan wang ringgit sehingga nilainya jatuh begitu drastik.

Selagi kita terus berbangga dan selesa dengan sistem ini tanpa sebarang usaha untuk mengubah dan memulakan alternatifnya, selagi itulah kita boleh diugut oleh negara kaya. Malah individu kaya turut boleh menjatuhkan nilai ringgit kita dalam masa seminit sahaja!

Tidak keterlaluan jika ada yang mengatakan, sistem wang kertas fiat ialah perangkap yang dibuat oleh golongan bukan Islam dan sebahagian besar kapitalis Barat yang tidak mengindahkan nilai kebaikan, dan pada masa yang sama mereka juga terperangkap oleh perangkap yang dicipta oleh mereka sendiri.

Jika mata wang kita berasaskan emas dan perak yang mempunyai nilai tersendiri

dan tidak bersandar kepada kepercayaan, keyakinan serta persepsi umum terhadap ekonomi negara kita, adakah manipulasi wang yang disebut tadi akan berlaku? Insya-Allah, tidak.

Ibn Sina pernah berkata: "Ini adalah hikmah yang dikurniakan Allah kepada dua jenis logam ini (emas dan perak) dan kesukaran menemuinya (*scarcity*) sehingga ia mampu menjadi penyandar nilai usaha manusia (sebagai perolehan dan mata wang). Jika kedua-duanya (emas dan perak) itu boleh diperolehi dengan mudah (secara tidak hakiki seperti apa yang ada pada mata wang fiat kertas), maka akan terbatallah hikmah penciptaannya oleh Allah, dan ramai yang boleh memilikinya sehingga menyimpannya (memilikinya) tanpa sebarang erti." (Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, hlm. 482)

2. Sentiasa mendapat sambutan

Tamadun Islam tidak pernah menghadapi masalah inflasi yang teruk kerana emas dan perak sentiasa mampu mendapat tempat di hati manusia. Oleh kerana kewujudan emas dan perak yang terhad,

itulah hikmah yang menjadikan nilainya sentiasa kekal. Jika berlaku sedikit inflasi pada zaman pemerintahan Islam, ia kerana wang-wang sampingan iaitu fulus terlebih sebaran dalam pasaran.

Fulus ialah duit sampingan untuk transaksi kecil. Ia pernah dicipta pada zaman pemerintahan Islam, dibuat daripada bahan murah seperti campuran besi dan tembaga tanpa nilai tersendiri yang tinggi. Nilainya ditetapkan oleh kerajaan dan ia menjadi popular dan tersebar pada zaman al-Malik al-Nasir sekitar tahun 806H.

Sebelum itu, semua zaman pemerintahan Islam hanya menggunakan emas dan perak sahaja sebagai mata wang utama.

Menurut Prof. Dr. Ali Muhyiddin al-Qurrah Daghi, fulus sesuai disamakan keadaannya dengan mata wang fiat kertas pada zaman ini kerana kedua-duanya tiada nilai tersendiri.

4. Ketegasan Imam al-Syafi'i

Imam al-Syafi'i pernah menolak tindakan menjadikan logam selain emas dan perak sebagai mata wang. Malah beliau amat tegas sehingga menolak sebarang *qiyas* terhadap emas dan perak. Namun ulama mazhab Syafi'i berpendapat, *qiyas* dalam hal ini masih wujud sekiranya ia mempunyai 'illah *athman* (store value). (*Al-Um*, jil. 3, hlm. 98; al-Nawawi, *al-Majmu'*, jil. 9, hlm. 393)

5. Kekal lama

Emas mampu bertahan lama, walaupun tertanam di dalam tanah atau direndam dalam air. Berbeza dengan wang kertas yang fizikalnya lemah dan tidak dapat bertahan lama.

6. Diiktiraf dunia

Emas dan perak mempunyai nilai asli yang diiktiraf di seluruh dunia serta tidak dikawal oleh mana-mana negara, tetapi benar-benar menurut *demand and supply* (permintaan dan penawaran), berbeza dengan wang kertas yang dikawal oleh kerajaan tertentu.

7. Tidak boleh dicipta atau dimusnahkan

Emas dan perak tidak boleh dicipta atau dimusnahkan berbanding wang kertas fiat yang boleh dicetak sebanyak mungkin atas kehendak pihak pemerintah. Wang kertas fiat juga boleh dimusnahkan pada bila-bila masa yang diingini.

8. Tidak boleh dimonopoli

Tiada sesiapa yang boleh memonopoli pengeluarannya sebagaimana pengeluaran wang kertas yang boleh dimonopoli oleh kerajaan dan syarikat tertentu yang disukai mereka.

9. Logam yang jarang ditemui

Emas dan perak juga ialah logam yang agak jarang ditemui. Sifat ini menjadikannya sesuai dijadikan mata wang kerana sewajarnya sifat mata wang itu sedikit dan diingini ramai, tidak seperti wang kertas yang mudah didapati di mana-mana.

10. Stabil

Nilai kestabilan turun naik emas dan perak jauh lebih baik dan stabil berbanding wang fiat kertas.

11. Diiktiraf oleh al-Quran dan hadis

Mata wang emas dan perak disebut secara spesifik dalam al-Quran dan hadis serta menjadi rujukan kiraan zakat. Keutamaan wang emas dan perak telah diiktiraf oleh Nabi secara spesifik menerusi sabda Baginda yang bermaksud: "Akan tiba satu zaman kepada manusia yang tiada manfaat pada waktu itu kecuali dinar dan dirham." (Riwayat Ahmad)

Itulah serba ringkas hujah yang sering digunakan oleh pihak yang menyokong dan mendukung pengembalian emas dan perak sebagai mata wang harian dan juga medium transaksi import eksport.

Kelemahan Mata Wang Emas pada Zaman Ini

Pun begitu, pihak yang kurang atau tidak bersetuju dengan kemestian menjadikan emas dan perak sahaja sebagai mata wang, berhujah seperti berikut dengan menyenaraikan kelemahan aplikasi emas dan perak sebagai mata wang pada zaman ini.

1. Hadis lemah

Hadis yang menyebut bahawa pada akhir zaman tidak bermanfaat sesuatu pun kecuali dinar dan dirham ialah hadis yang lemah. Hadis itu hanya diriwayatkan oleh Imam Ahmad, melalui jalan sahabat bernama al-Miqdam bin Ma'di Karib.

Hadis ini juga disebut dalam kitab *Mishkat al-Masabih*, tetapi sanad hadis ini terputus (*munqati'*), maka ia merupakan sebuah hadis yang lemah. Hadis ini juga tiada sokongan daripada hadis-hadis lain. Demikian penilaian ulama hadis seperti al-Albani.

2. Adakah selain dinar dan dirham haram?

Memang benar, dinar dan dirham disebutkan dalam al-Quran, namun itu tidak menjadi suatu tanda bahawa penggunaan mata wang yang lain menjadi haram serta-merta. Bahkan banyak juga perkara lain yang disebut dalam al-Quran, tetapi kefahamannya terbuka kepada interpretasi berbeza.

Sebagai contoh, firman Allah yang

bermaksud: "Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa-apa sahaja yang kamu sanggupi dan daripada kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah, musuhmu." (*Surah al-Anfal* 8: 60)

Apabila Allah menyebut kuda-kuda sebagai keperluan kekuatan, adakah semua kekuatan selain daripada kuda tidak sunnah dan bercanggah dengan Islam?

Tidak sama sekali. Inilah pokok perbezaan dalam memahami dalil fiqh muamalat dan fiqh ibadah. Kefahaman dalil fiqh muamalat memerlukan interpretasi dan iktibar.

Imam al-Qurtubi menjelaskan mengapa kuda disebut, katanya:

"Mengapa dikhaskan sebutan lontaran (lembing dan panah dalam hadis) dan kuda? Disebutkan jawabannya, kerana kuda pada asalnya ialah keperluan asas dalam peperangan." (*Al-Jami' li Ahkam al-Quran*, jil. 7, hlm. 393)

3. Standard berbeza

Emas yang ditempa mempunyai pelbagai standard seperti 916 (22 karat) dan juga 994 (24 karat), maka perbezaan ini menjadikannya berbeza pada harga dan nilainya. Bayangkan seseorang yang membeli dan mendapat daripada pengeluaran berbeza, setiap kali berurusan, perlu dijelaskan jumlah karatnya terlebih dahulu. Ini menyukarkan transaksi.

4. Tulen atau palsu?

Tiada kaedah yang mudah untuk orang awam mengenal pasti emas dan perak yang tulen. Ini berbeza dengan wang kertas yang nilai terbesarnya RM100, nilai emas boleh menjadi sehingga 1 kilogram dan satu dinar sahaja sudah 4.25 gram (kini berharga sekitar RM800). Justeru, sebarang penipuan dalam hal ini boleh mengakibatkan kerugian yang besar.

5. Siapa pengeluar emas terbesar?

Pengeluar terbesar emas di dunia dikuasai oleh negara-negara bukan Islam. Ini boleh membawa kepada monopoli dan manipulasi harga apabila mereka mengetahui negara-negara umat Islam ingin menggunakannya sebagai mata wang harian. Menurut datanya, Afrika Selatan mengeluarkan 11.8%, Amerika 10.4%,



Dr. Zaharuddin Abd. Rahman

Menerima ijazah Sarjana Muda Usuluddin, (UM), Masters (al-Yarmouk, Jordan) dan PhD (Univ. of Wales, UK). Juga memperoleh ijazah ilmiah daripada Syaikh Dr Yusuf al-Qaradawi. Beliau merupakan Pensyarah di UIAM, Penasihat & Konsultan Syariah bagi 9 buah institusi korporat & kewangan dalam dan luar negara. Layari: www.zaharuddin.net

China 8.9%, Russia 7.2% dan Indonesia 6.6%. Data ini jelas menunjukkan, dengan jumlah emas yang sedikit, dibimbangi negara lain akan mengambil kesempatan ke atas umat Islam.

6. Dunia tidak lagi menggunakan emas dan perak

Pelaksanaan menjadi semakin sukar apabila negara sekitar tidak menggunakan emas dan perak. Ini berbeza pada zaman Nabi s.a.w. kerana semua negara menggunakannya, lalu putaran dan pusingan mata wang akan berlegar dalam dunia ekonomi ketika itu.

Namun jika hanya Malaysia yang menggunakannya sebagai contoh, ia akan menyebabkan negara jiran datang membawa wang kertas dan ditukar dengan dinar dan dirham, kemudian mereka akhirnya keluar meninggalkan Malaysia membawa emas dan perak terbabit.

Jika ini berlaku, tentunya negara akan rugi teruk kerana tersangkut dengan wang kertas yang kurang nilai, manakala simpanan emas pula semakin berkurangan.

7. Jika skala transaksi lebih besar daripada jumlah emas dan perak

Pernah berlaku dalam sejarah, apabila bisnes dan perusahaan menjadi semakin besar dan simpanan emas tidak lagi mencukupi untuk menampung peredaran emas bagi urusan transaksi ekonomi, pihak kerajaan akan mula menempai dinar dan dirham dengan peratusan emas dan perak yang kurang dari sepatutnya. Akhirnya mata wang terbabit tidak lagi boleh digelar dinar dan dirham yang tulen.

8. Harga berbeza

Dinar dan dirham, khusus pada hari ini, mempunyai harga yang berbeza antara satu pengeluar dengan pengeluar yang lain disebabkan perbezaan kos pengilangan, ketulenan dan juga kaedah kiraan keuntungan pengeluar. Bayangkan dinar keluaran Kelantan lebih mahal daripada keluaran syarikat-syarikat biasa. Dinar keluaran syarikat lain pula menjual emasnya dengan harga yang berbeza. Perbezaan harga ini boleh menyebabkan kekeliruan dan ketidakstabilan timbul, serta membuka ruang penipuan kepada pihak-pihak tertentu.

9. Sifar dorongan politik

Ketiadaan kehendak politik yang serius daripada ahli politik sesebuah negara dan negara-negara umat Islam yang lain. **S**

[Bersambung]

soal jawab muamalat

■ DR. ZAHARUDDIN ABD. RAHMAN

Tanggungjawab Sebagai Ketua

Saya seorang CEO (Chief Executive Officer) di sebuah syarikat. Akhir-akhir ini saya kerap terdengar ceramah Dr. di radio berkenaan pelbagai permasalahan muamalat. Selaku ketua sebuah syarikat dan usahawan, saya sering terfikir; apakah yang perlu dan boleh saya lakukan sebagai CEO? Pohon panduan ringkas daripada Dr.

Jawapan: Kita sebagai individu Muslim wajib mengetahui hukum berkaitan kewajipan fardu ain dan setiap ajaran yang mesti dipatuhi dalam kehidupan.

Bagaimanapun, kita tidaklah dikehendaki untuk mempelajarinya secara terperinci kerana ia tugas ilmuwan Islam yang khusus. Sila rujuk www.zaharuddin.net untuk keterangan lanjut.

Demikian juga perihalnya berkaitan zakat, kita perlu mempelajari selok-belok menunaikan zakat bagi harta yang diperolehi.

Antara perkara yang perlu diketahui oleh seseorang usahawan atau CEO bagi sesebuah syarikat ialah:

- Kewajipan **zakat** perniagaannya.
- Transaksi perniagaan atau jual beli yang **sah menurut syariah**.
- Sensitiviti** terhadap barangan yang dikeluarkan atau dijual agar tidak membantu industri haram.
- Pengetahuan berkaitan **riba** dan perangkap-perangkapnya kerana isu riba kerap timbul apabila sebuah syarikat memerlukan suntikan modal bagi menjalankan atau mengembangkan perniagaannya, iaitu apabila sesebuah syarikat mendapatkan modal melalui produk pinjaman perniagaan daripada bank-bank konvensional.
- Kebajikan pekerja** yang dijaga bertepatan dengan kehendak syariah.
- Berhati-hati dengan hadiah-hadiah yang dianugerahkan dan diterima kerana **ada kalanya ia ada kaitan dengan rasuah**.
- Kemudahan** yang disediakan oleh perbankan Islam untuk menjaga kekuatan syarikat. Ini amat perlu agar tidak terjebak dalam kemelut riba yang diharamkan.

Seluruh kepimpinan Muslim syarikat-syarikat perlu menyedari bahawa tiada lagi alasan "darurat" atau "terpaksa" untuk mengambil apa-apa jua produk kewangan konvensional, sambil mendakwa tiada produk Islam yang boleh digunakan. Ia satu perkara yang amat penting bagi kepimpinan korporat Muslim untuk memastikan seluruh transaksi perniagaan, pelaburan, sumber kewangan dan kegunaannya menurut landasan syariah. Jika tidak, perniagaannya pasti akan "kering" daripada berkat serta lahirlah kakitangan bermasalah yang tidak amanah, malah boleh membawa ke arah keruntuhan sesebuah entiti perniagaan atau organisasi.

Kepimpinan korporat dan syarikat perlu memahami bahawa tanggungjawab mereka bukan sahaja untuk mencipta kekayaan dan keuntungan semaksimal mungkin kepada syarikat dan diri sendiri, tetapi mereka juga perlu menjaga tanggungjawab sosial dan etika terutamanya para pekerja mereka.

Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Tiada seorang hamba Allah yang dilantik menjadi pemimpin, kemudian dia tidak (menggunakan kedudukannya) menasihati dan membawa rakyatnya ke arah kebaikan (dan Islam), kecuali Allah akan mengharamkan baginya syurga." (Riwayat Muslim)

Mereka perlu memastikan semua pekerja diberikan hak sewajarnya, terutamanya hak untuk menunaikan solat fardu dan solat Jumaat serta menyediakan surau yang selesa. Selain itu, bagi sesetengah syarikat besar yang menawarkan kemudahan pinjaman kereta dan perumahan kepada para kakitangannya, saya ingin menasihati pihak pengurusan agar bertanggungjawab memastikan semua pembiayaan rumah dan kereta itu patuh syariah, terutamanya jika kakitangan itu sendiri yang mengingini pembiayaan Islam.

Sekiranya sesebuah syarikat itu telah pun menggunakan pinjaman konvensional, mereka masih lagi mempunyai jalan keluar iaitu dengan *refinance* atau membuat pembiayaan semula dengan bank-bank Islam yang semakin banyak hari ini. Kini, kebanyakan bank Islam menyediakan kemudahan penukaran produk konvensional kepada cara Islam.

Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Tinggalkan apa-apa yang kamu